



**KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA**

GARIS PANDUAN

**KURSUS ASAS
PEMANDU PELANCONG BANDAR (TAHAP 3)**

GARIS PANDUAN KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG BANDAR (TAHAP 3) 2025

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini adalah untuk menjelaskan syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan serta pelaksanaan Kursus Asas Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3) kepada calon dan pelaksana kursus di Semenanjung Malaysia.
- 1.2. Objektif garis panduan ini:
 - 1.2.1. menjelaskan syarat-syarat kelayakan kepada calon yang berminat untuk mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3);
 - 1.2.2. memastikan prosedur pelaksanaan kursus difahami dengan jelas dan dipatuhi sepenuhnya oleh calon dan pelaksana kursus; dan
 - 1.2.3. menjadi panduan seragam kepada semua calon dan pelaksana kursus.

2. PENGENALAN

- 2.1. Kursus Asas Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3) merupakan kursus yang wajib dihadiri oleh calon yang ingin menjadi Pemandu Pelancong Bandar berlesen di bawah MOTAC.
- 2.2. Calon perlu menghadiri kursus dengan jayanya serta lulus peperiksaan yang dilaksanakan oleh MOTAC.

3. TAFSIRAN

ATTIM	Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia
BPI	Bahagian Pembangunan Industri
BPPP	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
CTRE	<i>Continuing Tourism Related Education</i>
ILP	Institut Latihan Pelancongan
IPT	Institut Pengajian Tinggi

JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
MTGC	<i>Malaysian Tourist Guides Council</i>
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
PB	Pusat Bertauliah
PPL	Pegawai Pengesah Luaran
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
WIM	<i>Written Instructional Materials</i>

4. PELAKSANAAN KURSUS

4.1. Pelaksana Kursus

- 4.1.1. Pelaksana kursus adalah ILP yang dilesenkan oleh BPPP, MOTAC dan diiktiraf sebagai PB oleh JPK, KESUMA;
- 4.1.2. Pelaksana kursus wajib mempunyai lesen ILP dan PB yang sah dan belum tamat tempoh. ILP hendaklah mengemukakan salinan lesen ILP bagi setiap permohonan kursus;
- 4.1.3. Pegawai Penilai/tenaga pengajar perlu mempunyai permit mengajar yang sah, belum tamat tempoh dan memenuhi syarat JPK dan BPPP, MOTAC; dan

- 4.1.4. Kursus hendaklah menggunakan NOSS yang diluluskan oleh JPK dan MOTAC iaitu N791-008-3:2025 (**atau kod program terkini yang diluluskan oleh JPK**) bersama bahan pembelajaran modul WIM yang dibangunkan oleh MOTAC.

4.2. Tanggungjawab ILP

- 4.2.1. Bertanggungjawab sebagai pentadbir dan fasilitator bagi urusan kursus calon yang berdaftar di ILP masing-masing; dan
- 4.2.2. Bertanggungjawab untuk melaksanakan kursus seperti tarikh yang telah ditetapkan oleh MOTAC melalui Takwim Pelaksanaan Kursus Pemandu Pelancong seperti di pautan:
<https://www.motac.gov.my/program/kursus/pemandu-pelancong>

4.3. Premis Pelaksanaan Kursus

- 4.3.1. Kursus hendaklah dilaksanakan secara fizikal di premis ILP atau secara dalam talian. (Rujuk Lampiran A: *City Guide*)
- 4.3.2. Pelaksanaan kursus di luar premis hendaklah:
- i. mendapat kelulusan daripada BPPP, MOTAC terlebih dahulu; dan
 - ii. mengemukakan surat kelulusan MOTAC beserta permohonan kepada JPK.

4.4. Yuran Kursus

Yuran kursus adalah di bawah penetapan oleh pelaksana kursus.

4.5. Tempoh Kursus

Tempoh pelaksanaan kursus adalah sekurang-kurangnya 500 jam.

4.6. Peperiksaan

Peperiksaan terbahagi kepada dua (2) Bahagian melibatkan:

- i. Bahagian Teori - dijalankan secara dalam talian
- ii. Bahagian Praktikal - dijalankan di lokasi ILP masing-masing secara fizikal atau di luar premis seperti di perenggan 4.3.2.

4.7. Laporan Pemarkahan Bahagian Praktikal

Laporan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pemantau MOTAC dengan serta-merta setelah tamat peperiksaan Bahagian Praktikal. Salinan digital melalui pautan: <https://www.motac.gov.my/program/kursus/pemandu-pelancong>

5. SYARAT-SYARAT MENGIKUTI KURSUS

- 5.1. warganegara Malaysia;
- 5.2. berumur 18 tahun dan ke atas semasa permohonan dikemukakan;
- 5.3. sihat secara fizikal, mental dan bebas daripada penyakit berjangkit;
- 5.4. bebas dan tidak mempunyai rekod jenayah;
- 5.5. melalui saringan kesihatan dan menyertakan bersama surat akuan/laporan kesihatan daripada Pegawai Perubatan berlesen dan bertauliah. Kos saringan adalah ditanggung sepenuhnya oleh calon. Surat akuan/laporan kesihatan boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi MOTAC;
- 5.6. calon OKU hendaklah tiada halangan pergerakan fizikal, tidak membahayakan diri sendiri dan orang lain serta boleh berkomunikasi dengan baik. Calon OKU perlu mengemukakan Surat Perakuan daripada pegawai perubatan; dan
- 5.7. memenuhi syarat kelayakan akademik **ATAU** mengikuti kursus secara temuduga seperti berikut:
 - 5.7.1. Syarat Kelayakan Akademik
 - 5.7.1.1. hendaklah memiliki sekurang-kurangnya salah satu kelayakan akademik berikut:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya (tahap minimum ialah lulus enam (6) subjek termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah bagi calon tahun peperiksaan 2012 ke atas); atau
 - ii. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia; atau
 - iii. Sijil/Diploma/Ijazah atau setaraf dengannya daripada IPT tempatan atau luar negara yang

telah mendapat akreditasi/pengiktirafan daripada MQA/KPM/KPT/JPA; atau

- iv. Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 2) yang telah mendapat pentauliahan daripada JPK, KESUMA; atau
- v. Diploma Kemahiran Malaysia/Diploma Lanjutan.

5.7.2. Permohonan Mengikuti Kursus Secara Temuduga

5.7.2.1. Permohonan yang tidak memenuhi syarat kelayakan akademik boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus dengan syarat:

- i. mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam sektor pelancongan; dan
- ii. mencapai keputusan lulus dalam tapisan temuduga di peringkat Kementerian.

5.8. Permohonan perlu dikemukakan melalui ILP yang berlesen dengan menyertakan bersama butiran berikut:

- i. salinan surat pengesahan bekerja dari majikan; dan
- ii. salinan slip pembayaran gaji dari majikan.

6. PENDAFTARAN MENGIKUTI KURSUS

6.1. Calon yang berminat untuk mengikuti kursus perlu berdaftar dengan ILP yang telah diiktiraf oleh MOTAC dengan menyertakan bersama butiran berikut:

- i. salinan kad pengenalan calon; dan
- ii. salinan sijil kelayakan akademik.

6.2. Permohonan pendaftaran calon oleh ILP dengan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses oleh BPI, MOTAC.

6.3. Pendaftaran bahasa pemanduan yang dibenarkan oleh MOTAC bagi kursus ini adalah seperti berikut:

- 6.3.1. Bahasa Melayu
 - 6.3.2. Bahasa Mandarin
 - 6.3.3. Bahasa Tamil
 - 6.3.4. Bahasa Inggeris
 - 6.3.5. Bahasa Isyarat
- 6.4. Calon tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran bahasa pemanduan setelah berdaftar dengan MOTAC.
- 6.5. Sebarang pelaksanaan kursus tanpa kelulusan BPI, MOTAC adalah menyalahi peraturan di bawah AIP 1992.

7. PEPERIKSAAN

7.1. Pendaftaran Menduduki Peperiksaan

- 7.1.1. Calon yang telah mengikuti kursus dengan sepenuhnya dan lulus penilaian oleh JPK akan didaftarkan untuk menduduki peperiksaan.
- 7.1.2. Calon dan ILP perlu mematuhi prosedur pendaftaran menduduki peperiksaan seperti berikut:
 - i. permohonan pendaftaran oleh ILP;
 - ii. ILP perlu mengemukakan borang MOTAC-T1003 (Lampiran B) yang telah lengkap dengan penilaian dan pengesahan oleh PPL, JPK; dan
 - iii. calon perlu lulus kerja kursus dan disahkan sebagai terampil oleh PPL, JPK sebelum menduduki peperiksaan.
- 7.1.3. Keputusan permohonan pendaftaran menduduki peperiksaan akan dimaklumkan kepada ILP dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum sesi peperiksaan.
- 7.1.4. Calon yang memperolehi nombor indeks sahaja dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.

7.2. Pelaksanaan Peperiksaan

- 7.2.1. MOTAC melaksanakan sesi peperiksaan sebanyak tiga (3) kali setahun mengikut takwim pelaksanaan Kursus Pemandu Pelancong seperti berikut:

- i. April;
- ii. Ogos; dan
- iii. Disember

7.2.2. Peperiksaan terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu:

i. Bahagian Teori (20% markah penuh):

- 60 soalan objektif;
- 1 jam;
- 100 markah; dan
- Minimum markah lulus: 10%

ii. Peperiksaan Bahagian Praktikal (80% markah penuh) terbahagi kepada dua (2) seksyen iaitu:

BIL	SEKSYEN	MINIMUM MARKAH LULUS (%)	JUMLAH MARKAH PENUH (%)
1	Seksyen 1: Lisan dan Slaid • Personaliti diri (10%) • Keyakinan diri (15%) • Kemahiran bahasa (15%) • Pengetahuan produk (25%) • Kebolehan meningkatkan minat (35%)	20	30
2	Seksyen 2: Ujian Pemanduan Lapangan (<i>Coach Commentary</i>) • Personaliti diri (10%) • Keyakinan diri (15%) • Kemahiran bahasa (15%) • Pengetahuan produk (25%) • Kebolehan meningkatkan minat (35%)	40	50
JUMLAH		60	80

7.2.3 Minimum markah lulus peperiksaan adalah 70% mengikut pecahan:

- i. Bahagian Teori : 10%
- ii. Bahagian Praktikal : 60%

- 7.2.4 Calon perlu melaksanakan tugas peperiksaan Bahagian Praktikal sepenuhnya dalam bahasa pemanduan yang berdaftar sahaja.
- 7.2.5 Calon hendaklah lulus peperiksaan Bahagian Teori dan Praktikal untuk layak menerima Sijil Penyertaan Kursus bagi tujuan permohonan lesen daripada BPPP, MOTAC.
- 7.2.6 Keputusan peperiksaan akan diumumkan kepada ILP oleh MOTAC dalam tempoh lima (5) hari bekerja bermula dari tarikh penerimaan kelulusan keputusan peperiksaan oleh Pesuruhjaya Pelancongan dengan butiran berikut:
- i. surat iringan (*cover letter*); dan
 - ii. lampiran keputusan calon.
- 7.2.7 Salinan keputusan peperiksaan juga boleh diperolehi oleh calon secara dalam talian menggunakan nama pengguna (ID) dan kata laluan masing-masing merangkumi dokumen berikut:
- i. Calon lulus - Sijil Penyertaan Kursus & Slip Keputusan Peperiksaan; dan
 - ii. Calon gagal - Slip Keputusan Peperiksaan sahaja.

7.3. Peperiksaan Ulangan

- 7.3.1. Calon yang mencapai keputusan gagal dalam peperiksaan dibenarkan untuk mendaftar bagi mengikuti peperiksaan ulangan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh peperiksaan yang telah diduduki sebelumnya tanpa perlu mengulangi kursus.
- 7.3.2. Bagi calon mengulang yang telah melebihi tempoh satu (1) tahun, perlu mengikuti semula kursus sebelum menduduki peperiksaan.
- 7.3.3. Calon mengulang hanya perlu menduduki bahagian peperiksaan yang gagal sahaja.
- 7.3.4. ILP perlu mengemukakan butiran berikut kepada BPI, MOTAC bagi permohonan pendaftaran peperiksaan calon mengulang:
- i. salinan kad pengenalan calon; dan

- ii. borang MOTAC-T1003 terdahulu yang lengkap dengan penilaian kerja kursus dan pengesahan akhir PPL, JPK.

8. PANEL PEMERIKSA

- 8.1. Keperluan ini adalah bagi pelaksanaan Peperiksaan Praktikal sahaja.
- 8.2. Panel pemeriksa perlu memenuhi kelayakan seperti berikut:
 - i. memiliki lesen pemanduan yang sah dalam bahasa pemanduan yang dinilai;
 - ii. memiliki pengalaman dan perkhidmatan pemanduan yang baik sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dan ke atas; dan
 - iii. tidak memegang sebarang jawatan dalam ILP yang melaksanakan kursus.
- 8.3. ILP perlu mencadangkan dua (2) orang calon pemeriksa bagi setiap satu (1) bahasa pemanduan yang dinilai kepada BPI untuk kelulusan. Hanya panel pemeriksa yang diluluskan sahaja boleh membuat penilaian semasa peperiksaan.

9. PEGAWAI PEMANTAU

- 9.1. Pelaksanaan peperiksaan hendaklah dipantau oleh pegawai MOTAC.
- 9.2. Peranan Pegawai Pemantau adalah:
 - 9.2.1 memastikan pelaksanaan peperiksaan adalah teratur mengikut garis panduan yang ditetapkan;
 - 9.2.2 mengawal slaid semasa sesi peperiksaan - Seksyen 1: Lisan dan Slaid;
 - 9.2.3 menentukan penggiliran calon semasa pelaksanaan peperiksaan - Seksyen 2 (*Coach Commentary*);
 - 9.2.4 memastikan Laporan Pemarkahan Bahagian Praktikal diterima daripada Panel Pemeriksa dengan serta-merta setelah tamat sesi peperiksaan seperti rujukan di Para 4.7; dan

- 9.2.5 memastikan dokumen di Para 9.2.4 dan Laporan Pemantauan diserahkan kepada BPI, MOTAC dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh pelaksanaan peperiksaan Bahagian Praktikal.

10. KURSUS PRA-SYARAT PERMOHONAN LESEN

- 10.1. Calon diwajibkan untuk menghadiri Kursus Mesra Malaysia. Sila rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Mesra Malaysia untuk keterangan lanjut.

11. KURSUS PRA-SYARAT PEMBAHARUAN LESEN

- 11.1. Calon diwajibkan untuk menghadiri Kursus CTRE. Sila rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Kursus CTRE untuk keterangan lanjut.

12. SIJIL PENYERTAAN KURSUS

12.1. Tempoh Sah Laku

Tempoh sah laku sijil penyertaan kursus adalah seumur hidup.

12.2. Kehilangan/Kerosakan

- 12.2.1. Calon yang kehilangan atau kerosakan sijil kursus hendaklah memaklumkan kepada ILP masing-masing.
- 12.2.2. ILP perlu mengemukakan maklumat yang telah diperakukan seperti berikut kepada BPI, MOTAC:
- i. Nama calon;
 - ii. Salinan kad pengenalan calon; dan
 - iii. Pengesahan pendaftaran calon bersama ILP.
- 12.2.3. Salinan sijil yang diperakui sah oleh MOTAC sahaja akan diberikan bagi menggantikan kehilangan atau kerosakan sijil penyertaan calon.
- 12.2.4. Tempoh penyimpanan sijil penyertaan kursus di MOTAC adalah tujuh (7) tahun dari tahun sijil dikeluarkan.

13. NOTIS PEMBATALAN

- 13.1. Garis panduan ini boleh dipinda dan ditambah baik oleh MOTAC dari semasa ke semasa.
- 13.2. Garis panduan ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan dan arahan rasmi yang telah dan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh MOTAC.
- 13.3. Jika terdapat sebarang percanggahan arahan atau peraturan bagi butiran atau perkara yang sama di antara kandungan garis panduan ini dengan kandungan garis panduan/arahan/peraturan yang telah dikeluarkan sebelumnya, maka kandungan garis panduan ini hendaklah digunapakai.
- 13.4. Garis panduan pelaksanaan Kursus Asas Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3) 2020 adalah dibatalkan.

14. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa pada 30 Julai 2025.



**PECAHAN PERATUSAN PELAKSANAAN SECARA HIBRID BAGI
KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG BANDAR**

UNIT KOMPETENSI (CU)	KURIKULUM AKTIVITI KERJA (WA)	JUMLAH MASA (JAM)	PERATUS MASA (%)	FIZIKAL (%)	DALAM TALIAN (%)
CU 1 Tour Job Assignment Acceptance	<i>WA1: Communicate with customer</i>	15	3	2	1
	<i>WA2: Identify tour job assignment</i>				
	<i>WA3: Confirm tour job assignment details</i>				
	<i>WA4: Accept tour job assignment</i>				
CU 2 Tour Arrangement Reconfirmation	<i>WA1: Verify Tour itinerary</i>	10	2	15	0.5
	<i>WA2: Acquire up to date information related to tour arrangement activities</i>				
	<i>WA3: Finalise tour arrangement</i>				
CU 3 Tourist Arrival Execution	<i>WA1: Perform pre-arrival activities</i>	10	2	1.5	0.5
	<i>WA2: Perform meet and greet at arrival point</i>				
	<i>WA3: Transfer tourist to accommodation destination</i>				
	<i>WA4: Execute accommodation check-in</i>				

UNIT KOMPETENSI (CU)	KURIKULUM AKTIVITI KERJA (WA)	JUMLAH MASA (JAM)	PERATUS MASA (%)	FIZIKAL (%)	ATAS TALIAN (%)
CU 4 Tour Commentary Delivery	<i>WA1: Gather information on the relevant topics</i>	300	60	33	27
	<i>WA2: Prepare storyline for commentary delivery</i>				
	<i>WA3: Conduct tour commentary on the topics</i>				
	<i>WA4: Handle question and answer</i>				
CU 5 Tour Itinerary Execution	<i>WA1: Analyse tour itinerary content and its arrangement</i>	100	20	12	8
	<i>WA2: Carry out tour itinerary</i>				
	<i>WA3: Carry out alternative arrangement for contingencies</i>				
	<i>WA4: Adhere to safety, security and emergency procedures</i>				
	<i>WA5: Report tour itinerary execution</i>				
CU 6 Tourist Health, Safety, Security And Emergency Handling	<i>WA1: Analyse relevant health, safety, security and emergency information</i>	20	4	3	1
	<i>WA2: Minimise risk and hazard</i>				
	<i>WA3: Conduct health, safety, security and emergency briefing</i>				
	<i>WA4: Report health, safety, security and emergency incidence</i>				

UNIT KOMPETENSI (CU)	KURIKULUM AKTIVITI KERJA (WA)	JUMLAH MASA (JAM)	PERATUS MASA (%)	FIZIKAL (%)	ATAS TALIAN (%)
CU 7 Tourist Departure Execution	<i>WA1: Ascertain tourist departure details</i>	10	2	1.5	0.5
	<i>WA2: Plan tourist departure arrangement</i>				
	<i>WA3: Inform tourist in advance of departure details and arrangement</i>				
	<i>WA4: Coordinate departure arrangement</i>				
	<i>WA5: Execute accommodation check-out</i>				
	<i>WA6: Transfer tourist to departure point</i>				
	<i>WA7: Execute boarding arrangement activities at the departure point</i>				
CU 8 Customised Tourist Services Execution	<i>WA1: Analyse customised tourist service arrangement information</i>	10	2	1.5	0.5
	<i>WA2: Carry out customised tourist services arrangement</i>				
CU 9 Tour Payment Arrangement	<i>WA1: Assess tour payment arrangement instruction</i>	10	2	1.5	0.5
	<i>WA2: Execute tour payment instruction</i>				
	<i>WA3: Report tour payment transactions</i>				

UNIT KOMPETENSI (CU)	KURIKULUM AKTIVITI KERJA (WA)	JUMLAH MASA (JAM)	PERATUS MASA (%)	FIZIKAL (%)	ATAS TALIAN (%)
CU 10 Optional Tours Execution	<i>WA1: Identify optional tours suitability for tourist</i>	10	2	1.5	0.5
	<i>WA2: Promote optional tours to the tourist</i>				
	<i>WA3: Carry out optional tours to the tourist</i>				
CU 11 Post Tour Reporting	<i>WA1: Obtain on-tour information</i>	5	1	1	0
	<i>WA2: Study tourist feedback</i>				
	<i>WA3: Generate tour report</i>				
JUMLAH		500	100%	60%	40%